PA 2.2/2013

# KERAJAAN MALAYSIA

# Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan Dalam Menangani Isu Berkaitan Penggunaan Duit Syiling 1 Sen

PERBENDAHARAAN MALAYSIA

# KANDUNGAN

**PASARAN KEWANGAN DAN AKTUARI** ........................................ 2

**PA 2.2/2013 Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan Dalam Menangani Isu Berkaitan Penggunaan Duit Syiling 1 Sen** ........................................ 2

1. **Tujuan** ........................................ 2
2. **Mekanisma Penggenapan** ........................................ 2
3. **Peraturan Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan** ........................................ 3

## PASARAN KEWANGAN DAN AKTUARI

## PA 2.2/2013 Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan Dalam Menangani Isu Berkaitan Penggunaan Duit Syiling 1 Sen

### 1. Tujuan

1.1 Pekeliling ini bertujuan untuk menerangkan mekanisma dan peraturan berkenaan pelaksanaan penggenapan jumlah keseluruhan bil yang berakhir dengan 1, 2, 8, dan 9 sen kepada puluh sen terdekat manakala3, 4, 6, dan 7 sen kepada 5 sen terdekat bagi semua transaksi di bawah Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan.

### 2. Mekanisma Penggenapan

2.1 Mekanisma Penggenapan ialah mekanisma yang memerlukan **jumlah keseluruhan bil** yang berakhir dengan 1, 2, 8, dan 9 sen digenapkan kepada puluh sen terdekat manakala 3, 4, 6, dan 7 sen digenapkan kepada 5 sen terdekat.

2.1.1 Bagi jumlah bil yang berakhir dengan **1 dan 2 sen diturunkan kepada puluh sen terdekat, bagi 3 dan 4 sen dinaikkan kepada 5 sen terdekat bagi 6 dan 7 sen diturunkan kepada 5 sen terdekat, manakala 8 dan 9 sen dinaikkan kepada puluh sen terdekat**, seperti contoh 1 berikut:

<u>Contoh 1</u>

| Penggenapan | Contoh: Jumlah Bil | | |
|---|---|---|---|
| | Jumlah bil sebelum digenapkan (RM) | Pelarasan Penggenapan (RM) | Jumlah bil selepas digenapkan (RM) |
| Ke bawah (puluh sen terdekat) | 5.01<br>5.02 | -0.01<br>-0.02 | 5.00 |
| Ke atas (lima sen terdekat) | 5.03<br>5.04 | +0.02<br>+0.01 | 5.05 |
| Ke bawah (lima sen terdekat) | 5.06<br>5.07 | -0.01<br>-0.02 | 5.05 |
| Ke atas (puluh sen terdekat) | 5.08<br>5.09 | +0.02<br>+0.01 | 5.10 |

2.1.2 Di dalam mekanisma ini, penggenapan hanya dibuat pada jumlah keseluruhan bil atau bil bulanan yang perlu dibayar (*due for payment*) dan bukan bagi setiap item di dalam bil berkenaan, seperti contoh 2 berikut:

<u>Contoh 2</u>




Baris tambahan di dalam bil dan resit untuk menunjukkan Penggenapan

## 3. Peraturan Pelaksanaan Mekanisma Penggenapan

3.1 Kementerian / Jabatan / Agensi Kerajaan serta semua agensi di bawah seliaan mereka dikehendaki:

3.1.1 **melaksanakan mekanisma penggenapan di peringkat sumber** (*at source*) iaitu semasa cetakan bil bagi semua urusniaga di bawah bidang kuasa masing-masing;

3.1.2 mempamerkan jadual mekanisma penggenapan di kaunter pembayaran; dan

3.1.3 menunjukkan pelarasan penggenapan di dalam bil dan resit bagi memastikan pengguna dimaklumkan cara penggenapan dilakukan.

3.2 Mekanisme penggenapan juga merangkumi transaksi bukan tunai di kaunter seperti pembayaran menggunakan cek dan kad kredit atau kaedah-kaedah lain pembayaran elektronik.

3.3 Pelaksanaan mekanisma ini tidak memberi kesan kepada harga asal barangan / perkhidmatan yang dibekalkan.